

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan Kerajaan untuk membantu pembeli rumah Taman Permata Impian yang sudah terbengkalai selama 15 tahun untuk mendapat balik wang mereka.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, projek Perumahan Taman Permata Impian, Kulai yang dimajukan oleh Renewed Global Sdn. Bhd (sebelum ini dikenali sebagai Renewed Development Sdn. Bhd) melibatkan 284 unit Rumah Kedai 2 Tingkat (RK2T) dengan jumlah pembeli seramai 191 orang di mana perjanjian jual beli yang pertama telah ditandatangani pada tahun 2002. Pihak pemaju tersebut telah memohon Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan bagi projek ini dengan pihak Majlis Perbandaran Kulai (MPK) yang menyelia kawasan berkenaan.

2. Mengikut rekod Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pula, pemaju tersebut tidak memohon *Advertising Permit and Developer Licence* (APDL) bagi tujuan penjualan unit rumah yang dibina di kawasan tersebut. Justeru, projek ini telah diklasifikasikan oleh

Kementerian sebagai projek tanpa lesen. Memandangkan projek ini merupakan pemajuan tanpa lesen, maka Kementerian tidak dapat memulihkan projek ini dan tanggung jawab untuk memantau projek ini terletak pada pihak yang mengeluarkan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan iaitu pihak Majlis Perbandaran Kulai.

3. Walau bagaimanapun, KPKT sentiasa mengambil berat dan mempunyai tanggungjawab sosial mengenai isu perumahan ini. Beberapa mesyuarat dan perbincangan mengenai kaedah penyelesaian projek ini telah diadakan sejak tahun 2012. Kaedah penyelesaian bagi projek ini adalah melalui konsultansi dan rundingan di antara 3 pihak yang terlibat iaitu Renewed Global Sdn. Bhd, pihak pembiaya dan pihak pembeli. Proses tersebut dijangka akan mengambil masa yang panjang disebabkan cadangan penyelesaian perlu mendapat persetujuan bersama oleh semua pembeli yang terjejas.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian dan pihak pembiaya yang terlibat telah mengadakan perbincangan terkini untuk mendapatkan ganti rugi yang setimpal kepada para pembeli projek berkenaan. Terdapat beberapa pembiaya yang telah memberikan kadar penyelesaian yang perlu dibuat oleh pihak pemaju bagi menyelesaikan jumlah pinjaman melibatkan para pembeli projek ini.

5. Seramai 93 orang pembeli telah mengadakan pertemuan dengan pemaju dan peguam yang dilantik pemaju manakala, perjumpaan bersama baki pembeli lain akan dijadualkan semula mengikut kesesuaian. Pemaju turut menyatakan komitmen untuk meneruskan pencarian para pembeli yang belum dapat dihubungi akibat ketiadaan maklumat perhubungan terkini di samping menyediakan dokumen perjanjian persetujuan di antara pemaju dengan para pembeli yang telah menyatakan persetujuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pembinaan SK Bandar Putra 2, Kulai.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek pembinaan Sekolah Kebangsaan Bandar Putra 2, Kulai, Johor telah diluluskan dalam *Rolling Plan 4* (Tahun 2020), RMKe-11. Skop projek ini meliputi pembinaan baharu 36 bilik darjah dan lain-lain kemudahan berkaitan. Projek ini adalah di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia dan sedang berada dalam fasa pra bina.

Pelaksanaan Pengurusan Nilai bagi projek ini telah selesai dilaksana dan dimuktamadkan pada 2 September 2020. Projek akan dilaksanakan secara konvensional perunding dan pihak JKR sedang menyediakan dokumen untuk pelantikan perunding. Iklan untuk pelantikan kontraktor dijangka dapat dimaklumkan pada Mei 2021. Manakala Surat Setuju Terima dijangka dapat dikeluarkan pada Ogos 2021. Tempoh masa pembinaan projek ini adalah dijangka selama 30 bulan.

Sekian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

SOALAN

minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pembinaan SJKC Poay Chai, Johor sama ada KPM telah meluluskan Jawatankuasa Pembinaan Sementara SJKC Poay Chai untuk menukar brif projek daripada 36 bilik darjah kepada 48 bilik darjah dan (2) sama ada Kerajaan akan menyumbang kos pembinaan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 6 Januari 2020 telah meluluskan permohonan daripada Jawatankuasa Pembinaan Sementara SJKC Poay Chai bagi cadangan pembinaan bangunan baharu yang mengandungi 36 bilik darjah di atas tapak baharu di Lot 116385, Jalan Changkat Indah Utama, Taman Bukit Indah 2, Mukim Pulai, Johor Bahru dengan anggaran kos RM15 Juta sumbangan daripada orang awam.

Sehingga kini, KPM belum menerima permohonan berkenaan dengan pertukaran brif projek daripada 36 bilik darjah kepada 48 bilik darjah seperti yang dibangkitkan.

NO. SOALAN: 473

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Pembangunan, Jawatankuasa Standard dan Kos yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, had maksimum bilik darjah bagi sekolah rendah ialah sebanyak 36 bilik darjah sahaja.

Selaras dengan status SJKC Poay Chai sebagai sekolah bantuan Kerajaan (SBK), sebarang kos yang diperlukan bagi pembinaan bangunan baharu di lokasi baharu tersebut adalah menjadi tanggungjawab serta kewajipan pihak Jawatankuasa Pembinaan Sementara yang dibentuk.

Sekian